

Berikut adalah dua spesis yang boleh mengelirukan kita. Mereka boleh dikatakan berbeza diantara enggang yang lain dengan adanya perbezaan warna seperti kekuningan di keliling kepala dan leher pada enggang jantan. Manakala enggang betina mempunyai kepala dan muka berwarna hitam serta kerongkong uncangnya warna biru.

Burung Enggang Merantua (Wrinkled Hornbill): Sebahagian besar enggang hitam yang berekor panjang kebanyakannya berwarna putih serta sedikit kehitaman di pangkal ekornya. Enggang jantan berparuh kuning dan merah terang, manakala betina keseluruhan paruhnya dan hulu jambul berwarna kuning.



Burung Enggang Bukit (Wreathed Hornbill): Enggang hitam yang mempunyai ekor warna putih keseluruhan, tiada warna hitam di pangkalnya. Kedua jantina mempunyai hulu jambul dan berparuh tonggak mempunyai hulu jambul dan beriparuh tonggak yang bercoreng gelap/bertanda pada kerongkong uncangnya.




Jika anda ingin menolong Konservasi Burung Enggang di Sabah,
sila hubungi HUTAN-Projek Konservasi Orang Utan Kinabatangan di:
contactus@hutan.org.my



Sumbangan: Jabatan Hidupan Liar Sabah, Jabatan Perhutani Sabah, HUTAN-Projek Konservasi Orang Utan Kinabatangan, Yayasan Penyelidikan Burung Enggang, Zoo Chester, ZooTaman Woodland

Kecuali dimana dinyatakan, semua gambar adalah sumbangaan ikhlas dari Cede Prudente

HORNBILLS OF BORNEO



SABAH MALAYSIA

Kehadiran burung enggang di kawasan ini menunjukkan bahawa persekitaran tempat kediaman adalah sihat. Burung enggang memerlukan hutan untuk bersarang dan makanan. Begitu juga hutan memerlukan burung ini untuk pertaburan biji-benih daripada buah-buahan dan tumbuhan.

Penduduk kampung maupun desa memerlukan hutan, hasil kayu sebagai mata pencarian serta bahan untuk memasak air bersih dan udara yang bersih.

Justru itu, ke semuanya ini saling berkaitan dan memerlukan diantara satu dengan yang lain: manusia, burung enggang dan hutan.

Terdapat lapan jenis spesis enggang di Borneo dan kesemuanya juga terdapat di kawasan Kinabatangan. Kesemuanya dilindungi daripada pemburuan dan/atau gangguan oleh undang-undang.

Dengan keperihatinan dan penjagaan terhadap kehidupan Burung-Burung Enggang di kawasan ini, kelangsungan kehidupan spesies ini boleh dinikmati oleh generasi akan datang.

Burung Enggang Badak (Rhinoceros Hornbill): Ianya besar, kebanyakannya enggang hitam ini sering kelihatan berpasangan di kawasan sungai. Mereka mempunyai paruh yang berwarna-warni iaitu merah dan kuning serta berbentuk seperti buah pisang diatasnya. Enggang ini berekor putih, bergaris lebar kehitaman di pertengahannya. Ia juga bersuara/berbunyi kuat seperti salakan.



Burung Enggang Mentua (Helmeted Hornbill): Mungkin yang paling unik dan jarang diperhatikan/kelihatan di kawasan ini. Kebanyakannya berwarna coklat gelap dengan bulu ekornya panjang dimana ianya berbeza dengan enggang enggang yang lain. Berparuh pendek dan berwarna merah dengan hulu jambul bersegi dan berisi. Bersuara seperti siamang bila memanggil.



Burung Enggang Gatalbirahi (Black Hornbill): Spesis ini mempunyai saiz yang sama dengan enggang Kelinking. Kesemua ada hulu berjambul hitam dengan putih di hujung bulu ekornya. Enggang jantan berparuh keputihan serta kekuningan dan betina pula berparuh hitam serta hulu jambul lebih kecil daripada yang jantan. Terdapat juga burung ini mempunyai bulu bercoreng ditepi kepala iaitu berwarna putih/kelabu.



Burung Enggang Kelingking (Oriental Pied Hornbill): Enggang kecil ini berwarna hitam dan perutnya berwarna putih. Paruh dan hulu jambul kebanyakannya warna kuning pucat dengan warna hitam di pangkalnya. Burung ini kerap kali kelihatan selalu di kawasan dan persekitaran kampung.



Burung Enggang Putih (White-crowned Hornbill): Kebanyakkan bahagian tanda yang mudah di lihat pada spesies ini ialah putih, berhujung tajam gambaran seperti atap di kepala dan berekor panjang warna putih. Kepala, leher dan perut enggang yang jantan berwarna putih manakala betina berwarna hitam. Burung ini lebih berahsia dan sering terbang ke tanah ditepi sungai yang ada tumbuh-tumbuhan. Ia juga pemelihara yang bekerjasama dan kerap kali kelihatan dalam kumpulan kecil.



Burung Enggang Mengilai (Bushy-crested Hornbill): Spesies ini bersaiz sederhana dan berwarna coklat gelap dengan coklat cerah di pangkal badan hingga ke ekornya. Enggang jantan mempunyai paruh yang berwarna hitam manakala yang betina kebanyakannya warna kekuningan. Ia juga digelar sebagai pemelihara bekerjasama . Burung ini seringkali didapati dalam kumpulan keluarga dengan purata tujuh ekor burung.

